

17 AUG 2001

Mahathir-Banjir

LAWATAN DR M DI SEIYUN TERGENDALA KERANA BANJIR KILAT

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

SEIYUN, 17 Ogos (Bernama) -- Program lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seiyun, dalam wilayah Hadhramout, Yemen hari ini tergendala sebentar kerana banjir kilat yang memutuskan hubungan antara bandaraya ini dan Ta'arim.

Hujan telahpun mula turun di beberapa bahagian wilayah Hadhramout sebelum ketibaan pesawat Yemenia yang membawa Perdana Menteri dan delegasi dari Aden ke sini.

Pihak berkuasa Yemen hanya mengetahui bahawa jalan ke Ta'rim terputus kerana banjir kilat selepas konvoi yang membawa Perdana Menteri dan rombongan telahpun bergerak sejauh lebih kurang 15 kilometer dari Lapangan terbang Seiyun.

Dr Mahathir dijadualkan bertemu penuntut-penuntut Malaysia di fakulti undang-undang Universiti Al-Ahqaf dan para ulama Hadhramout di Darul Mustafa kedua-duanya di Ta'arim

Keadaan agak kelam kabut apabila pihak berkuasa Yemen mengetahui kejadian banjir itu dan konvoi terpaksa berpatah balik ke lapangan terbang Seiyun.

Di lapangan terbang itu, Dr Mahathir menaiki sebuah helikopter untuk sampai ke destinasi beliau diiringi oleh antara lain, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Luar Yemen Dr Abubaker Al-Qirbi dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Anggota delegasi yang lain, termasuk wakil-wakil media terpaksa berpuas hati melawat sebuah istana silam yang telah dijadikan muzium di bandaraya Seiyun.

Kaum lelaki kemudian ke sebuah masjid berhampiran untuk mengerjakan sembahyang Jumaat dan selepas itu anggota delegasi di bawa ke sebuah hotel berhampiran di mana mereka menunggu Dr Mahathir dan untuk makan tengah hari.

Dr Mahathir dan delegasi dijadualkan kembali ke Sana'a, ibu negara Yemen lewat hari ini.

Hadhramout ialah wilayah terbesar yang ditadbir gabenor di Yemen dengan jumlah penduduk hampir 900,000 orang.

Menurut sejarah, penduduk Hadhramout melalui aktiviti perdagangan mereka, menyumbangkan kepada penyebaran Islam di Asia termasuk Malaysia.

Ia terkenal sejak sekian lama kerana masjid-masjidnya, sekolah dan perpustakaan-perpustakaan di Ta'arim, kota-kota dan taman-taman di Seiyun dan struktur-struktur yang diperbuat daripada lumpur di Shibam.

Makam Nabi Hud dan Nabi Salleh juga terdapat di Hadhramout.

-- BERNAMA

MAM PR